

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan memaparkan rumusan kajian secara keseluruhan dan membariskan cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan pada masa hadapan berkaitan dengan hasil kajian. Fokus kajian yang menyentuh aspek penggunaan bahasa Jawa dan tatatingkatnya ini hanya memaparkan hasil kajian berasaskan bahasa verbal atau bahasa pertuturan.

5.2 Rumusan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, penyelidik mendapati bahawa penggunaan bahasa Jawa dengan tatatingkat atau variasi yang tertentu seperti krama inggil (ki), krama (k), krama-ngoko (k, ng) dan ngoko (ng) adalah bergantung kepada kecenderungan dan kemahiran setiap individu itu.

Meskipun terdapat tatatingkat bahasa yang mencerminkan wujudnya diaglosia, namun diaglosia ini hanya wujud dalam pertuturan atau *basa-basi* masyarakat di kawasan kajian. Pada hakikatnya, tidak wujud sama sekali situasi diaglosia di kawasan kajian. Penggunaan dan pemilihan sama ada ayat, frasa atau satu-satu perkataan dalam tatatingkat bahasa Jawa bentuk krama inggil (ki) dan krama (k) itu hanya wujud daripada rasa hormat penutur pertama kepada penutur kedua yang mungkin lebih berusia daripadanya atau kedua-dua penutur kurang intim dan jarang bertemu.

Bagaimanapun, rumusan yang dapat dibuat hasil daripada kajian ini ialah generasi lingkungan usia 15 hingga 30 tahun ke bawah (GIV) di kawasan kajian tidak mempunyai kemahiran berbahasa Jawa dan hanya mengetahui beberapa ayat atau perkataan tertentu sahaja, berbanding dengan kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh generasi pada usia 61 tahun dan ke atas (GI). Bentuk bahasa yang mereka gunakan juga lebih kepada bahasa Jawa bentuk krama (k). Contoh terbaik bagi menggambarkan situasi ini ialah daripada ungkapan *badhan* GI dan GIV. Ungkapan *badhan* GI ini menggunakan banyak perbendaharaan kata daripada bentuk krama inggil (ki) dan krama (k), iaitu sekitar 35 patah perkataan dalam satu ungkapan *badhan* mereka. Sebaliknya, GIV hanya memiliki antara satu hingga tiga perkataan daripada bentuk krama (k) dalam ungkapan *badhan* mereka.

Hasil analisis ke atas dapatan untuk kategori bahasa kiasan menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) mendominasi pertuturan masyarakat di kawasan kajian pada semua peringkat generasi. Bahasa kiasan yang diperolehi terdiri daripada peribahasa, simpulan bahasa, perumpamaan dan pantun. Dalam banyak situasi, penyelidik mendapati bahawa masyarakat di kawasan kajian lebih cenderung mengungkapkan bahasa kiasan dalam bentuk ngoko (rujuk Jadual 4.7, 4.8, 4.9 dan 4.10, halaman 99, 101, 102 dan 107).

Apa yang menarik di sini ialah terdapat fenomena penggunaan bahasa kiasan yang sama dengan apa yang berlaku dalam kalangan penutur bahasa Melayu, iaitu wujud penggunaan pantun dua kerat yang kebanyakannya diungkapkan atas alasan untuk bergurau senda, sebagai nasihat atau sebagai sindiran (rujuk Jadual 4.10, halaman 107).

Kajian ini juga memperoleh dapatan berupa doa dan lafaz niat yang diungkapkan dalam bahasa Jawa. Sebagaimana ungkapan *badhan*, ungkapan dalam doa dan lafaz niat juga mengandungi unsur kata-kata pinjaman daripada bahasa Melayu (m), Arab (Ar), Kawi (Kw), Sanskrit (S) dan bahasa Indonesia (I). Berdasarkan analisis, bahasa Jawa bentuk ngoko (ng) mendominasi keseluruhan pengungkapan dalam doa, diikuti oleh penggunaan bentuk krama-ngoko (rujuk Jadual 4.11, halaman 112).

Berdasarkan analisis dapatan dalam kategori ayat menunjukkan bahawa bentuk krama (k) mendominasi bahasa dalam ayat dengan jumlah sebanyak 38 perkataan dan diikuti oleh bentuk krama inggil (ki) sebanyak 9 perkataan (rujuk Jadual 4.18, halaman 121). Sebanyak empat kategori ayat diperolehi melalui kajian ini, iaitu ayat sapaan, ayat silaan atau pelawaan, ayat tanya dan ayat penyata. Berdasarkan analisis, terdapat ayat dalam bahasa Jawa terbentuk daripada gabungan perkataan dari sekurang-kurangnya dua tatatingkat bahasanya seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.14, 4.15, 4.16 dan 4.17, halaman 116, 118, 119 hingga 120.

Analisis dapatan dalam kategori perbendaharaan kata pula menunjukkan bahawa penggunaan perkataan bentuk krama-ngoko (k, ng) didapati mendominasi keseluruhan pemilihan kata-kata, diikuti oleh perkataan daripada bentuk krama (k) dan bentuk ngoko (ng), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.37 (halaman 134). Bentuk krama-ngoko (k, ng) meliputi sebanyak 37%, bentuk krama (k) sebanyak 25% dan bentuk ngoko (ng) sebanyak 23.8%. Selain 16 golongan kata yang meliputi sebanyak 387 perkataan, kajian ini juga telah berjaya mengumpul istilah-istilah tertentu berkaitan dengan aktiviti kebudayaan, kemasyarakatan dan agama di kampung kajian.

Fenomena yang berlaku di kawasan kajian ini dilihat bukan sahaja berkait rapat dengan sifat bahasa yang dinamik dan konsep bahasa itu sendiri sebagai medium untuk manusia berhubung antara satu dengan yang lain, bahkan kerana sikap penuturnya sendiri. Meskipun bahasa boleh diumpamakan seperti jambatan untuk berhubung dan menyampaikan hasrat serta tujuan kita sama ada yang tersurat mahupun yang tersirat, namun jika fenomena kemerosotan dan peralihan bahasa ini terus berlarutan, gejala kepupusan bahasa pula yang bakal timbul. Pada ketika itu, penyampaian hasrat dan tujuan secara bersopan sudah tidak lagi kedengaran. Apatah lagi rumusan hasil kajian ini menunjukkan bahawa hanya generasi GI dan GII (lingkungan umur 46 ke atas) yang dilihat masih mampu bertutur dalam bentuk krama inggil (ki) dan krama (k), itupun dalam situasi tertentu sahaja dan dengan siapa yang dilawan bercakap. Lebih malang lagi kerana fenomena ini bukan sahaja berlaku di kawasan kajian yang terletak di Daerah Batu Pahat di Negeri Johor, bahkan menurut Noriah Mohamed (2001), fenomena ini berlaku juga di Mukim Sabak Bernam, di Utara Negeri Selangor.

5.3 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang

Oleh kerana fokus kajian ini hanya menyentuh soal penggunaan bahasa Jawa dan tatatingkatnya yang berasaskan bahasa verbal atau bahasa pertuturan di dua buah perkampungan dalam Daerah Batu Pahat, maka adalah dicadangkan kajian akan datang beralih kepada penelitian khusus terhadap bentuk atau struktur ayat bahasa Jawa di daerah lain di Negeri Johor. Mungkin kajian boleh dilakukan dengan membuat perbandingan antara daerah yang masyarakatnya masih bertutur dalam bahasa Jawa dalam pertuturan seharian. Selain itu, kajian boleh juga meneliti dari aspek asal usul penutur bahasa Jawa berkenaan.

Selain itu, aspek yang belum lengkap dalam kajian ini adalah himpunan perbendaharaan kata dalam domain dan budaya yang hanya disentuh secara sepintas lalu sahaja, umpamanya adat perkahwinan, pantang larang dan sebagainya.

5.4 Penutup

Adalah diharapkan hasil kajian ini akan memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang terlibat dalam pembelajaran dan penyelidikan bahasa dan juga bahasa ketiga amnya. Sesungguhnya permasalahan yang dipaparkan dalam kajian ini bukan berlaku di kawasan kajian yang melibatkan bahasa Jawa semata-mata, akan tetapi permasalahan ini juga berlaku di serata tempat oleh komuniti bahasa-bahasa lain. Kegagalan untuk menguasai bahasa ibunda dilihat sebagai penyebab utama fenomena peralihan dan percampuran kod sehingga membawa kepada gejala kepupusan sesuatu bahasa. Hasil kajian ini menyokong bahawa kecenderungan untuk menggunakan bahasa lain adalah tinggi akibat daripada keperluan tertentu seperti akademik dan ekonomi.

Oleh itu, harapan penyelidik semoga kajian ini dapat membuka mata semua pihak betapa pentingnya memelihara, seterusnya mengekalkan khazanah warisan nenek moyang kita, tanpa mengira dari mana mereka datang dan asal usul bangsa dan keturunan mereka. Selain itu, adalah diharapkan kajian ini mampu menerbitkan kesedaran kepada semua akan peri pentingnya memelihara keutuhan bahasa ibunda komuniti sendiri.